

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

PROGRAM ROADSHOW PELAKSANAAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (PIRECFS) TAHUN 2024 NEGERI PERAK

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

IPOH, 3 DISEMBER 2024

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. Kawasan Sensitif Alam Sekitar ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040.

Melalui kaji selidik yang dilaksanakan sebelum ini telah mendapati tahap kesedaran yang lemah berkenaan kewujudan PIRECFS oleh masyarakat awam. Merujuk kepada isu tersebut dan kepentingan CFS, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)* daripada Kerajaan Persekutuan dalam menyokong pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 yang telah digariskan. Penganjuran Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak ini adalah selari dengan Tindakan 4.3a di bawah PIRECFS 2022 iaitu Menyediakan Pelan

Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS melalui pelbagai medium dan kaedah promosi termasuk mengadakan *roadshow* dan pameran CFS secara berkala dan Tindakan 4.3b iaitu untuk meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan khususnya melibatkan kawasan CFS. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dalam program ini seperti pameran, taklimat pelaksanaan inisiatif PIRECFS daripada agensi pelaksana dan peluncuran laman web CFS Perak. Pembangunan laman web CFS Perak oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini merupakan satu langkah drastik dalam usaha mengukuhkan pelan promosi PIRECFS selari dengan perubahan teknologi maklumat serta menjadi platform perkongsian maklumat dan rujukan antara agensi pelaksana dan sokongan PIRECFS serta pemegang taruh. Laman web ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan hutan khususnya di rangkaian ekologi CFS Negeri Perak.

Program *roadshow* ini disertai agensi pelaksana PIRECFS seperti PlanMalaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi Kerajaan Peringkat Negeri Perak, Institut Pengajian Tinggi dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Penganjuran program ini juga turut mengukuhkan ukwah dan kalaborasi antara agensi/jabatan dan NGO dalam melaksana, memantau dan mengawal pembangunan dalam kawasan CFS Negeri Perak selari dengan Tindakan 4.1b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Untuk Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS.



Gambar 1: Majlis Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 2: Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak selaku wakil rasmi kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Gambar 3: Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak




Gambar 4: Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 5: Peluncuran laman web CFS Perak oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak selaku wakil rasmi kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Gambar 6: Lawatan pameran sempena Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 7: Taklimat pelaksanaan inisiatif PIRECFS sempena Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 8: Taklimat pelaksanaan inisiatif PIRECFS sempena Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 9: Urus setia Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak



Gambar 10: Majlis Perasmian Program *Roadshow* Pelaksanaan PIRECFS Tahun 2024 Negeri Perak